

BERITA ONLINE

UTUSAN BORNEO

TARIKH: 6 OKTOBER 2022 (KHAMIS)

Utusan
Borneo
Online

1,000 pelajar sertai Malaysia Techlympics

🕒 2022-10-06T17:48:57+08:00



Dr K. Nagulendran ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Perasmian Penutupan Malaysia Techlympics 2022 Peringkat Zon Malaysia Timur, Sarawak di Sibu, hari ini.

SIBU: Kira-kira 1,000 pelajar dari negeri ini telah mengambil bahagian Techlympics, kata Timbalan Ketua Setiausaha (Pembudayaan dan Perkhidmatan STI) Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Dr K. Nagulendran.

Menurutnya, sehingga kini lebih 1,028,983 rakyat Malaysia berumur antara 7 hingga 30 tahun telah mendaftar sejak dari April untuk menyertai pelbagai jenis pertandingan dan sesi perkongsian program Malaysia Techlympics sejak dilancarkan Perdana Menteri Mac lalu.

"Inisiatif ini bertujuan merangsang aktiviti sains, teknologi dan inovasi negara (STI) melalui pembelajaran berasaskan pengalaman untuk melengkapkan pembelajaran bukan formal sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik atau STEM dalam kalangan peserta.

"Malaysia Techlympics 2022 dilaksanakan oleh Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) agensi di bawah MOSTI dan disokong dengan kerjasama kementerian dan agensi kerajaan yang lain," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Perasmian Penutupan Malaysia Techlympics 2022 Peringkat Zon Malaysia Timur, Sarawak di Universiti Teknologi Sarawak (UTS) di sini, hari ini.

Majlis itu dirasmikan Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Dr Annuar Rapa'ee.

Hadir sama ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Datu Kamari Affandi, Setiausaha Bahagian Perancangan dan Pembudayaan Sains MOSTI Nik Kamaruddin Nik Husin, Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak Dr Les Met dan Pegawai Pendidikan Daerah Sibu Ahli Chikba.

Beliau memberitahu inisiatif tersebut menyasarkan satu juta penyertaan daripada para pelajar dan 2,000 idea STI yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Dengan bertemakan 'Berhubung, Bersaing, Berjaya', Malaysia Techlympics, katanya, ia telah dirangka supaya bersifat inklusif agar lebih ramai golongan sasaran mendapat peluang untuk turut terlibat menghasilkan produk inovasi menggunakan pendekatan tidak formal sekali gus merencanakan aktiviti STI negara melalui 'experiential learning'.

"Inisiatif ini juga adalah sebahagian daripada usaha MOSTI untuk memastikan lebih ramai rakyat Malaysia khususnya golongan pelajar dan belia untuk menjadikan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sebagai pilihan kerjaya masa hadapan dan seterusnya mengaplikasi pengetahuan mereka dalam kehidupan harian," ujarnya.

Pada Malaysia Techlympics itu, jelasnya lagi, 25 pertandingan di bawah lima kategori utama yang tertumpu kepada bidang-bidang yang membabitkan kejuruteraan, pengkomputeran dan mikro-komputer, nano, Internet benda (IoT), robotik, dron, sains, matematik, reka bentuk kreatif dan animasi serta percetakan dan pembangunan 3D telah disusun MOSTI bagi menyemarakkan pertandingan dan menarik minat pelbagai lapisan pelajar.

"Techlympians yang berjaya di peringkat zon akan mara untuk bersaing di peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Axiata Arena, Bukit Jalil pada 12 hingga 13 November akan datang," tambahnya sambil memberitahu dianggarkan 5,000 hadirin dijangka hadir pada peringkat akhir itu kelak.

Dalam perkembangan lain, Dr Nagulendran turut berasa teruja apabila laman sesawang mereka dilayari 26 juta pengunjung sejak Mac hingga September lalu, sekali gus melebihi jangkauan pihaknya.

Untuk maklumat lanjut mengenai Malaysia Techlympics 2022, Keluarga Malaysia dijemput untuk melayari laman sesawang rasmi www.techlympics.my.